



**Eureka Innovation Exhibition International Level (i-EIE) 2018** dengan tema **Innovation towards Industry 4.0** peringkat antarabangsa anjuran Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (Unikl MSI) telah berjaya diadakan di Unikl MSI Kulim pada **29-31 Oktober 2018**. **i-EIE 2018**. Ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Unikl MSI dan telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan dari beberapa negara luar termasuklah Indonesia dan Singapura. Sebanyak **400** projek inovasi dari pelbagai organisasi sama ada kerajaan mahupun swasta seperti organisasi pendidikan, iaitu sekolah rendah, sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi termasuk institut pendidikan guru, organisasi perindustrian dan sebagainya telah dipertandingkan. Sebanyak **enam** kategori projek inovasi yang telah ditetapkan mengikut bidang tertentu, iaitu Kategori Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Chapter A: *Electricity & Electronic, I.C.T, Multimedia and Telecommunications*, Chapter B: *Manufacturing Process, Machines & Equipment, Automotive, Transportation & Industrial Design*, Chapter C: *Environmental Protection, Renewable Energy, Biomedical Engineering* dan Chapter D: *Building, Construction & Materials, Social Science, Quality and Continuous Improvement, Educational Teaching & Training, etc.*

Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman telah diwakili oleh **Dr. Hjh. Nor Hayati bt. Hj. Mt. Ali (Ketua)**, **Dr. Siri Sena bin Baba Hamid**, **Dr. Hjh. Amani bt Abdullah Mubarak** dan **Dr. Rahimawati bt Abd Rahim** telah menyertai pertandingan inovasi ini dalam kategori Chapter D dengan tajuk inovasi "**Dr.Y Calculator 4.0 (1109 in one)**".

Alhamdulillah dan Tahniah diucapkan kepada **team IPG Kampus Darulaman** kerana telah dianugerahkan **PINGAT PERAK**. Semoga dengan kejayaan ini akan menjadi pendorong kepada rakan-rakan di IPG Kampus Darulaman untuk menyertai mana-mana pertandingan inovasi seumpamanya pada masa akan datang.

Ucapan terima kasih kepada pihak pentadbiran IPGKDA yang telah memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan projek inovasi tersebut dan terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat dalam inovasi ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Sekian. Terima kasih.

oleh

**Dr Hjh Nor Hayati bt Hj Mt Ali**

Jabatan Matematik,  
IPG Kampus Darulaman

# FOTO KENANGAN







